



**NILAI NILAI SUFISTIK SYAIR SYAIR MELAYU
FAKTOR PEMANGKIN ISLAMISASI DI EMPAYAR
JOHOR – RIAU - LINGGA**



**SEMINAR ANTARABANGSA SEJARAH DAN
WARISAN EMPAYAR JOHOR – RIAU
5-7 NOVEMBER 2010
PUSAT KONVENSYEN ANTARABANGSA
PERSADA JOHOR
JOHOR BAHRU**

NILAI-NILAI SUFISTIK PADA SYAIR-SYAIR MELAYU FAKTOR PEMANGKIN ISLAMISASI DI EMPAYAR JOHOR RIAU LINGGA

Oleh

Dr Rafiuddin Afkari bin Hj Abdul Fattah

Jabatan Kemanusiaan

Fakulti Sains Sastera dan Warisan

Universiti Tun Hussein Onn Batu Pahat Johor Malaysia

rafiuddin@uthm.edu.my

Abstrak

Karya-karya lama yang terawal seperti *Gurindan Dua Belas* (1847), *Tuhfat al-Nafis*, *Bustan al-Katibin* (1851), *Thamarat al-Mahammah* dan *Mukaddimah fi Intizam Waza'if al-Malik* adalah merupakan panduan pengkaji sejarah untuk mendalami secara kritis mengenai sumber-sumber sejarah yang sangat penting untuk tatapan dan ratapan bagi generasi muda yang akan datang. Didalam karya-karya tersebut banyak maklumat mengenai nilai-nilai sufistik pada syair-syair melayu faktor pemangkin islamisasi di empayar Johor Riau Lingga terumanya di kawasan terpencil kepulauan Riau Lingga di antaranya ialah Pulau Penyengat, Pulau Bentan, Pulau Singkep, Pulau Karimun, dan Tanjung Pinang. Bahan-bahan ini merupakan sumber dan rujukan utama sebagai "pemandu arah" kepada proses Islamisasi di Empayar Johor Riau Lingga. Kajian ini akan cuba menggunakan sumber-sumber berkenaan dengan sebaik-baiknya bagi melaksanakan tajuk "Nilai-Nilai Sufistik Pada Syair-Syair Melayu Faktor Pemangkin Islamisasi di Empayar Johor Riau Lingga" sebagai suatu percubaan awal bagi menghuraikan peranan dan sumbangan kaum sufi dalam proses Islamisasi dan perkembangan Islam di Alam Melayu.

1. Pengertian Nilai-Nilai Sufistik

Nilai bersinonim dengan harga, mutu, kualiti, darjat, darjah dan harkat. Yang dimaksudkan nilai-nilai sufistik ialah mengalami dan merasai (dalam batin), meresapkan ke dalam jiwa:

matlamat akhirnya ialah untuk menghayati nilai-nilai akhlak;¹ mempraktikkan nilai-nilai sufistik dengan penuh istiqomah dengan berpandukan kepada al-Quran dan as-Sunnah. Natiijahnya dari kesemua itu ialah merefleksikan nilai-nilai taqwa ke dalam kehidupan keseharian.

2. Kesultanan Johor-Riau

Kesultanan Johor yang selalu disebut juga sebagai **Johor-Riau** atau **Johor-Riau-Lingga** adalah kerajaan yang didirikan pada tahun 1528 oleh Sultan Alauddin Riayat Syah, putra sultan terakhir Melaka, sultan Mahmud Syah. Sebelumnya daerah Johor-Riau merupakan bahagian dari Kesultanan Melaka yang runtuh akibat serangan Portugis pada tahun 1511 Hijrah.²

Pada puncak kejayaannya Kesultanan Johor-Riau meliputi wilayah Johor sekarang, Pahang, Selangor, Singapura, Kepulauan Riau, dan daerah-daerah di Sumatera seperti Riau Kepulauan (yang meliputi kawasan Tanjung Pinang, Batam, Tanjung Balai Karimun, Pulau Bentan, Pulau Penyengat dan Lingga), Riau Daratan (yang meliputi kawasan Ibu Negeri Pekanbaru, Dumai, Siak dan Rengat dan Tembilahan) dan Jambi.

Sebagai balas jasa atas bantuan merebut tahta Johor Sultan Hussein Syah mengizinkan Britania pada 1819 untuk mendirikan pemukiman di Singapura. Dengan ditandatanganinya Traktat London tahun 1824 Kesultanan Johor-Riau dibagi dua menjadi Kesultanan Johor, dan Kesultanan Riau-Lingga. Pada tahun yang sama Singapura sepenuhnya berada di bawah kendali Britania. Riau-Lingga dihapuskan oleh pemerintah Hindia Belanda pada tahun 1911.

Pada tahun 1914, Sultan Ibrahim, dipaksa untuk menerima kehadiran Residen Britania. Dengan demikian Johor efektif menjadi koloni Mahkota Britania.

Menurut pandangan penulis bahawa kesultanan Johor-Riau Lingga dibahagikan kepada dua bahagian *pertama Kesultanan Johor* dan *kedua kesultanan Riau-Lingga*.³

¹Pusat Rujukan Persuratan Melayu, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2008

²Raja Ali Haji. *Tuhfat al-Nafis*, Kuala Lumpur: Yayasan Karyawan dan Dewan Bahasa dan Pustaka: 1998. Muka Surat: 9-14

³Hamidy, U.U. *Dimensi Sosial Budaya dalam Naskah Lama Daerah Riau* Analisis Kebudayaan 3:1, 1982. Muka surat: 23-32

2.1 Kesultanan Johor

Sultan Alauddin Riayat Syah membangun sebuah kota di Johor Lama yang terletak di tebing Sungai Johor dan dari situ beliau melancarkan serangan terhadap Portugis di Melaka. Baginda senantiasa bekerjasama dengan saudaranya di Perak dan juga dengan Sultan Pahang untuk merebut Malaka kembali.

Pada masa yang sama, di sebelah utara Sumatera, Kerajaan Aceh mulai mengembangkan pengaruhnya untuk menguasai Selat Melaka. Selepas kejatuhan Malaka kepada Portugis yang beragama Nasrani, pedagang-pedagang Muslim mula menjauhkan diri dari Malaka dan singgah di Acheh. Melihat keadaan itu Portugis merasa tersaingi karena hasil perdagangannya semakin berkurang.

Kesultanan Johor memperluaskan dan memperlebar jajahan taklukannya sampai ke

A Wilayah Jambi

wilayah Jambi (Sebuah negeri yang terletak dikawasan Sumatera bahagian selatan). Pada waktu Perang Segi Tiga, Jambi yang berada di bawah kekuasaan Johor menjadi tumpuan ekonomi dan politik. Pada tahun 1666, Jambi mencoba melepaskan diri dari kekuasaan Johor dan di antara tahun 1666 hingga tahun 1673 terjadi peperangan antara Johor dan Jambi. Ibu kota Johor, Batu Sawar dihancurkan oleh tentara Jambi. Hal ini menyebabkan ibu kota Johor berpindah-randah.

Pada tahun 1679, Laksamana Tun Abdul Jamil menyewa pasukan upahan Bugis untuk bersama-sama dengan pasukan Johor menyerang Jambi. Tidak lama kemudian Jambi pun berakhir.

Krisis antara Johor dan Jambi bermula disaat kedua belah pihak berselisih paham mengenai perebutan kawasan yang bernama Kuala Tungkal (negeri kecil yang masuk kawasan Jambi). Pada masa ini Johor diperintah oleh Sultan Abdul Jalil Syah III dan pemerintahan lebih banyak dimainkan oleh Raja Muda. Dalam usaha untuk mendapatkan Kuala Tungkal dari tangan orang Jambi, orang Johor telah menghasut penduduk Tungkal untuk memberontak. Hal ini menimbulkan kemarahan Pemerintah Jambi. Namun kekuatan Johor yang disegani pemerintah Jambi pada waktu itu menyebabkan Jambi memilih untuk

berdamai. Ketegangan antara Johor dan Jambi dapat diredakan karena perkawinan antara Raja Muda Johor dengan Puteri Sultan Jambi pada tahun 1659.

Namun persengketaan antara Johor dan Jambi kembali meletus dikarenakan tindakan kedua-dua pihak yang saling menghina kedaulatan kerajaan masing-masing. Johor kembali berperang dengan membawa 7 buah kapal untuk menyerang perkampungan nelayan Jambi pada bulan Mei 1667. Kegiatan perdagangan semakin merosot akibat peperangan yang terjadi karena tidak ada jaminan keselamatan kepada pedagang untuk menjalankan perdagangan di kawasan bergolak ini. Hal ini menyebabkan kerugian ekonomi kepada Johor. Puncak peristiwa peperangan ini terjadi saat Pengeran Dipati Anum mengetuai sebuah angkatan perang untuk menyerang dan memusnahkan Johor secara mengejutkan pada 4 April 1673. Serangan ini telah melumpuhkan sistem pemerintahan kerajaan Johor. Dalam usaha menyelamatkan diri, Raja Muda bersama seluruh penduduk Johor telah lari bersembunyi di dalam hutan. Bendahara Johor ditawan dan dibawa pulang ke Jambi.

Sultan Abdul Jalil Syah III juga melarikan diri ke Pahang. Baginda akhirnya meninggal dunia di sana pada 22 November 1677. Peperangan yang menyebabkan kekalahan kerajaan Johor ini telah mengakibatkan kerugian yang besar kepada Johor kerana Jambi telah bertindak merampas semua barang berharga milik kerajaan Johor termasuk 4 tan emas, sebagian besar senjata api yang merupakan simbol kemegahan dan kekuatan Johor. Kehilangan senjata api dan tentara dalam jumlah besar menyebabkan kerajaan Johor tidak dapat berbuat apa-apa, dan hal ini secara tidak langsung meruntuhkan kerajaan Johor.

B ke Wilayah Minangkabau

Wilayah Minangkabau merupakan wilayah bahagian yang terletak di Sumatera bahagian Barat.

Sultan Mahmud Syah II wafat pada tahun 1699 tanpa meninggalkan harta warisan. Melihat keadaan itu, Bendahara Abdul Jalil melantik dirinya sebagai sultan baru yang bergelar Sultan Abdul Jalil Riayat Syah IV. Tetapi timbul ketidakpuasan di kalangan pembesar-pembesar lain atas perlantikan itu.

Orang Bugis yang memainkan peranan penting sewaktu Perang Johor-Jambi mempunyai pengaruh yang kuat di Johor. Selain daripada orang Bugis, orang Minangkabau juga mempunyai pengaruh yang kuat. Orang Bugis dan Minangkabau percaya dengan kematian Sultan Mahmud II, mereka dapat mengembangkan pengaruh mereka di Johor. Di kalangan orang Minangkabau terdapat seorang putra dari Siak yaitu Raja Kecil⁴ yang mengaku dirinya sebagai pewaris tunggal Sultan Mahmud II. Raja Kecil menjanjikan kepada orang Bugis bahwa apabila mereka menolongnya menaiki tahta kerajaan, dia akan melantik ketua orang-orang Bugis sebagai Yam Tuan Muda Johor. Pada waktu itu orang-orang Bugis telah pergi ke Selangor untuk mengumpulkan orang-orangnya sebelum melancarkan serangan. Namun pada tahun 1717, Raja Kecil dan pasukan Minangkabau dari Siak telah menyerang Johor terlebih dahulu setelah terlalu lama menunggu kedatangan orang-orang Bugis. Pada 21 Maret 1718, Raja Kecil telah menawan Panchor. Raja Kecil melantik dirinya sebagai Yang Dipertuan Johor dan bergelar Sultan Abdul Jalil Rahmad Syah I⁵. Setelah Raja Kecil berhasil menduduki tahta Johor, orang-orang Bugis datang menuntut janji untuk dilantik sebagai Yam Tuan Muda. Permintaan ini tidak dipenuhi Raja Kecil karena orang-orang Bugis tidak memberikan bantuan sebagaimana yang diminta oleh Raja Kecil.

A. Raja-raja Kesultanan Johor-Riau (1528-1824)⁶

1. 1528-1564: Sultan Alauddin Riayat Syah II (Raja Ali/Raja Alauddin)
2. 1564-1570: Sultan Muzaffar Syah II (Raja Muzafar/Radin Bahar)
3. 1570-1571: Sultan Abd. Jalil Syah I (Raja Abdul Jalil)
4. 1570/71-1597: Sultan Ali Jalla Abdul Jalil Syah II (Raja Umar)
5. 1597-1615: Sultan Alauddin Riayat Syah III (Raja Mansur)
6. 1615-1623: Sultan Abdullah Ma'ayat Syah (Raja Mansur)
7. 1623-1677: Sultan Abdul Jalil Syah III (Raja Bujang)
8. 1677-1685: Sultan Ibrahim Syah (Raja Ibrahim/Putera Raja Bajau)
9. 1685-1699: Sultan Mahmud Syah II (Raja Mahmud)
10. 1699-1720: Sultan Abdul Jalil IV (Bendahara Paduka Raja Tun Abdul Jalil)
11. 1718-1722: Sultan Abdul Jalil Rahmat Syah (Raja Kecil/Yang DiPertuan Johor)
12. 1722-1760: Sultan Sulaiman Badrul Alam Syah (Raja Sulaiman/Yang DiPertuan Besar Johor-Riau)

⁴Raja Ali Haji. *Tuhfat al-Nafis*, Kuala Lumpur: Yayasan Karyawan dan Dewan Bahasa dan Pustaka: 1998. Muka Surat:18-21.

⁵ Arena Wati. *Silsilah Melayu dan Bugis*. Kuala Lumpur: Pustaka Antara. 1973.

⁶ Arena Wati. *Silsilah Melayu dan Bugis*. Kuala Lumpur: Pustaka Antara. 1973.

13. 1760-1761: Sultan Abdul Jalil Muazzam Syah
14. 1761: Sultan Ahmad Riayat Syah
15. 1761-1812: Sultan Mahmud Syah III (Raja Mahmud)
16. 1812-1819: Sultan Abdul Rahman Muazzam Syah (Tengku Abdul Rahman)

B. Raja-raja Kesultanan Johor (1824-sekarang)

1. 1819-1835: Sultan Hussain Shah (Tengku Husin/Tengku Long)
2. 1835-1877: Sultan Ali (Tengku Ali; tidak diakui oleh Inggris)
3. 1855-1862: Raja Temenggung Tun Daeng Ibrahim (Seri Maharaja Johor)
4. 1862-1895: Sultan Abu Bakar Daeng Ibrahim (Temenggung Che Wan Abu Bakar/Ungku Abu Bakar)
5. 1895-1959: Sultan Ibrahim ibni Sultan Abu Bakar
6. 1959-1981: Sultan Ismail ibni Sultan Ibrahim
7. 1981-2010: Sultan Mahmood Iskandar Al-Haj
8. 2010 - sekarang : Sultan Ibrahim Ismail ibni Almarhum Sultan Iskandar

3. Kesultanan Riau-Lingga

Kesultanan Riau-Lingga adalah kerajaan Islam yang berpusat Kepulauan Lingga⁷ yang merupakan pecahan dari Kesultanan Johor. Kesultanan ini dibentuk berdasarkan perjanjian antara Britania Raya dan Belanda pada tahun 1824 dengan Sultan Abdul Rahman Muadzam Syah sebagai sultan pertamanya. Kesultanan ini dihapuskan oleh pemerintah kolonial Belanda pada 3 Februari 1911.

Wilayah Kesultanan Riau-Lingga mencakup provinsi Kepulauan Riau modern, tapi tidak termasuk provinsi Riau yang didominasi oleh Kesultanan Siak, yang sebelumnya sudah memisahkan diri dari Johor-Riau.

A. Sejarah

Riau-Lingga pada awalnya merupakan bahagian dari Kesultanan Malaka, dan kemudian Kesultanan Johor-Riau. Pada 1811 Sultan Mahmud Syah III mangkat⁸. Ketika itu, putra

⁷ Baca Prof. Dato' Dr. Abu Hasan Sham. "Karya-karya yang berlatarbelakangkan Islam dari Pengarang Melayu Riau-Johor Sehingga Awal Abad Kedua Puluh" dalam *Tradisi Johor Riau, Kertas Kerja Hari Sastera 1983*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

⁸ Raja Ali Haji. *Tuhfat al-Nafis*, Kuala Lumpur: Yayasan Karyawan dan Dewan Bahasa dan Pustaka: 1998. Muka Surat:31.

tertua, Tengku Hussain sedang melangsungkan pernikahan di Pahang. Menurut adat Istana, seseorang pangeran raja hanya bisa menjadi Sultan sekiranya dia berada di samping Sultan ketika mangkat. Dalam sengketa yang timbul Britania mendukung putra tertua, Tengku Husain, sedangkan Belanda mendukung adik tirinya, Abdul Rahman. Traktat London pada 1824 membagi Kesultanan Johor menjadi dua: Johor berada di bawah pengaruh Britania sedangkan Riau-Lingga berada di dalam pengaruh Belanda. Abdul Rahman ditabalkan menjadi raja Riau-Lingga dengan gelar Sultan Abdul Rahman Muadzam Syah, dan berkedudukan di Kepulauan Lingga.

Sultan Hussain yang didukung Britania pada awalnya beribukota di Singapura, namun kemudian anaknya Sultan Ali menyerahkan kekuasaan kepada Tumenggung Johor, yang kemudian mendirikan kesultanan Johor modern.


Pada tanggal 7 Oktober 1857 pemerintah Hindia-Belanda memakzulkan Sultan Mahmud IV dari tahtanya. Pada saat itu Sultan sedang berada di Singapura. Sebagai penggantinya diangkat pamannya, yang menjadi raja dengan gelar Sultan Sulaiman II Badarul Alam Syah. Jabatan raja muda (Yang Dipertuan Muda) yang biasanya dipegang oleh bangsawan keturunan Bugis disatukan dengan jabatan raja oleh Sultan Abdul Rahman II Muadzam Syah pada 1899. Karena tidak ingin menandatangani kontrak yang membatasi kekuasaannya Sultan Abdul Rahman II meninggalkan Pulau Penyengat dan hijrah ke Singapura. Pemerintah Hindia Belanda memakzulkan Sultan Abdul Rahman II *in absentia* 3 Februari 1911, dan resmi memerintah langsung pada tahun 1913.

B. Raja-raja Kesultanan Riau-Lingga (1818-1911)

1. 1818-1832: Sultan Abdul Rahman Muadzam Syah
2. 1832-1835: Sultan Muhammad II Muadzam Syah
3. 1835-1857: Sultan Mahmud IV Mudzafar Syah
4. 1857-1883: Sultan Sulaiman II Badarul Alam Syah
5. 1883-1911: Sultan Abdul Rahman II Muadzam Syah

Wilayah Riau: Tanah Daratan dan Kepulauan:

Sumber: <http://www.worldhistory.com>



4. TEORI KEDATANGAN ISLAM DI ALAM MELAYU

Terdapat pelbagai teori:

A Teori Dari India

- Dikemukakan oleh Snouck Hurgronje pernah mengatakan *bahawa orang India telah memeluk Islam terlebih dahulu. Maka India turut mengambil bahagian lalulintas dan emigrasi di Nusantara dalam penyebaran aqidah Islam dan proses islamisasi ke Wilayah Nusantara.*
- Pendapat di atas disokong oleh orientalis antaranya: R.O. Winstedr. B. Harrison dengan mengemukakan hujahnya berdasarkan teori yang ditemukan.⁹

⁹ Tamadun Islam dan Tamadun Asia. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya. 2001. Muka surat: 164-168.

1. Batu-batu nisan awal yang dijumpai di Alam Melayu telah di bawah masuk dari Kambay (Kembayar) Gujerat.
2. Peranan penting yang dimainkan oleh pedagang-pedagang Gujerat di Kepulauan Melayu dan kesannya terhadap penyebaran Islam.
3. Tradisi Kesusateraan Melayu lebih mirip kepada tradisi India Islam.
4. Catatan Marco Polo dan Ibnu Batutah yang pernah melawat Alam Melayu sekitar abad ke-13 dan 14 Masehi.
5. Terjumptanya makam Sultan Malik al-Salleh pemerintah Pasai yang disebut dalam *Sejarah Melayu* dan *Hikayat Raja-raja Pasai* sebagai pemerintah I di Kepulauan Melayu memperkukuhkan lagi teori Islam hanya tersebar sekitar abad 13 Masehi.

B Teori Dari China

- Professor S.Q.Fatimi mengatakan dalam hujahnya bahawa orang Islam berhijrah beramai-ramai dari Canton pada kurun ke-9 ke Alam Melayu dikarekan pemberontakan yang berlaku hingga mengorbankan 100.000 – 150.000 orang Islam. Penghijrahan ke Alam Melayu menurut Syed Muhammad Naquib al-Attas berdampak positif pada pemangkin proses Islamisasi ke Alam Melayu terutamanya di wilayah Kedah dan Palembang (Sumatera bahagian Selatan), selain itu ke Champa, Brunei dan Pantai Timur Tanah Melayu (Patani, Kelantan, Terengganu dan Pahang) dan Jawa Timur Indonesia.
- Menurut penulis Sepanyol, Emanuel Godinho de Eredia berhujah bahawa penemuan batu bersurat di Campa bertarikh 1039, di Brunei bertarikh 1048, di Laren Jawa bertarikh 1082 dan batu bersurat di Terengganu bertarikh 1303.¹⁰ Kesemua bukti sejarah ini mencatatkan adanya masyarakat Islam dan menunjukkan arah kedatangan Islam ke rantau ini melalui negara China.
- Bukti dari batu nisan Syeikh Abdul Qadir di Langgar Kedah, batu bersurat Phan-rang di Kemboja, batu nisan Pahang dan batu bersurat Terengganu 1303 Masehi. Pengaruh China ini dibuktikan dengan bentuk masjid di Melaka dan Jawa seperti Pagoda.

¹⁰ Tamadun Islam dan Tamadun Asia. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya. 2001. Muka surat: 165

- Bukti yang dikemukakan agak meyakinkan tetapi tidak bermakna Islam hanya pada masa itu baru diperkenalkan di Alam Melayu kerana sudah ada penempatan Islam awal dari tarikh tersebut terutama di utara Sumatera.

C Teori Dari Tanah Arab

- Teori ini mendapat sokongan ramai pada masa kini dengan *hujjah sebagai* di bawah ini:
 1. Hujjatul Islam Prof. Hamka mempunyai bukti bahawa orang Arab telah berlayar ke Indonesia terlebih dahulu sebelum kelahiran Nabi Muhammad untuk membeli rempah ratus dan kapur barus yang hanya terdapat di Sumatera – peta lokasi Alam Melayu telah lama berada di minda orang Arab.
 2. Teori ini diperkukuhkan lagi hujjah Prof. S.M.Naquib al-Attas mengatakan bahawa kegiatan hubungan perdagangan orang Arab dengan Alam Melayu sejak zaman sebelum munculnya Islam di Semenanjung Tanah Arab.¹¹ Begitu juga teori John Crawford dan juga Niemann dan de Hollander yang menyatakan bahawa Islam dibawa terus dari Semenanjung Tanah Arab pada kurun ke-7, yang seterusnya mendapat sokongan daripada “Seminar Masuknya Islam ke Indonesia.”¹²
 3. Pada tahun 7 Masehi – Islam telah sampai ke Sumatera bila Muawiyah bin Abi Sufian mengirimi utusan ke Sriwijaya Palembang dan Umar bin Abdul Aziz telah menggiatkan dakwah dan perniagaan di Alam Melayu.
 4. Pemerintahan Khalifah Sulaiman bin Malik – menghantar 35 buah armada ke Muara Sabak di Jambi (Sumatera bahagian Selatan). Armada inilah yang dikatakan bertolak dari Ceylon ke Palembang pada tahun 717 Masehi sebelum ke China.
 5. Pedagang Arab telah berdagang di Alam Melayu sebelum Islam lagi. Bila mereka sudah memeluk agama Islam maka bermulalah pertapakan Islam di Alam Melayu. Sebahagian besar pedagang dari Yaman, Hadramaut dan Oman. Pengislaman Yaman atas usaha Ali bin Abi Talib mempunyai implikasi terhadap pengislaman Alam Melayu lantaran merekalah yang menyebabkan Islam singgah di Alam Melayu.

¹¹ Tamadun Islam dan Tamadun Asia. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya. 2001. Muka surat: 165

¹² Risalah Seminar Sejarah Masuknya Islam ke Indonesia, 1963. Dalam *Tamadun Islam dan Tamadun Asia*, Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya. 2001. Muka surat: 165

6. Bukti catatan sejarah pengislaman raja-raja di Alam Melayu dilakukan oleh pendakwah dari Timur Tengah. Contohnya Maharaja Drebar II yang perintah Kedah pada tahun 1136 Masehi telah memeluk Islam dari S.Abdullah S.Ahmad dari Yaman dengan memakai nama baru Sultan Muzafar Shah. Parameswara pula memeluk Islam dari Sheikh Abdul Aziz dari Jeddah dan tukar nama kepada Sultan Muhammad Shah.
7. Islam telah sampai ke Alam Melayu sejak pertama Hijriyah (abad ke-7Masehi) dengan bukti wujudnya perkampungan Islam di wilayah Sumatera Utara (Medan) yang dikenali sebagai *Ta-shih*).
8. Penggunaan tulisan jawi yang meluas di Alam Melayu.
9. Pengaruh Timur Tengah dalam bacaan al-Quran
10. Dalam kandungan persuratan Melayu Islam dengan konsep dan istilah dan sistem tulisan Jawi yang digunakan menunjukkan sumber Arab atau Timur Tengah sebagai puncaknya.
11. Terdapat penggunaan Syed dan Syarifah di Alam Melayu yang berketunan Arab.

5 FAKTOR PEMANGKIN ISLAMISASI DI EMPAYAR JOHOR-RIAU

1. Keunggulan dan kemurnian Islam

- agama yang mudah difahami bukan satu agama yang kompleks seperti Hindu Buddha – contoh konsep keesaan Tuhan berbanding dengan *konsep Trimurti* dalam agama Hindu.
- Menekankan kesamarataan – semua manusia adalah sama kecuali taqwa, tiada sistem kasta.
- Bersifat rasional dan praktikal dalam pelbagai bidang samada politik, ekonomi mahupun sosial.
- Mengutamakan akhlak dan kehalusan budi – contoh anjuran bantu membantu, bersifat adil dan lain-lain.
- Menganjurkan kebersihan dan kesucian jasmani dan rohaniaja

2. Pengislaman Raja-raja / Pemerintah

- Konsep pendewaan terhadap pemerintah dari doktrin dewaraja yang dibawa oleh agama Hindu – konsep daulat dan derhaka tertanam dalam jiwa. Bila pemerintah atau raja masuk Islam – rakyat pun dan turut masuk Islam.
- Ini dilihat dengan pengislaman rakyat di Melaka, Kedah dan Patani. *Sejarah Melayu* mengesahkan bila Raja Kecil Besar Islam pembesar dan rakyatnya pun masuk Islam. Cerita *Hikayat Merong Mahawangsa* – pengislaman Kedah. Hikayat Patani – pengislaman Patani.

3. Perkahwinan

- dalam menunggu angin berbulan lamanya, terdapat di kalangan pedagang yang berkahwin dengan penduduk tempatan. Untuk itu sebelum kahwin, wanita tersebut telah diislamkan terlebih dahulu. Ini mudah kerana pedagang-pedagang tersebut merupakan orang kaya dan sering dikagumi penduduk tempatan.
- setelah berkahwin – kebiasaannya keluarga pun akan memeluk agama Islam
- terdapat juga pedagang yang berkahwin dengan puteri pemerintah tempatan – lebih mudah Islam tersebar.
- Terdapat juga perkahwinan dengan wanita Islam dengan lelaki bukan Islam seperti perkahwinan Megat Iskandar Shah dengan Puteri Pasai.

4. Hubungan Diplomatik

- Menurut teori Islam ke Alam Melayu dari China, berdasarkan catatan sejarah pada abad ke 15 Masehi Melaka telah membuat hubungan diplomatik dengan China pada tahun 1404. Pada tahun-tahun berikutnya Melaka telah menerima beberapa urusan dan begitupun sebaliknya. Melaka mengadakan hubungan baik dengan China untuk melindunginya dari ancaman Siam. Awal pergubungan ini, China telah menghantar Laksamana Cheng Ho yang beragama Islam bagi melaksanakan tujuan ini.
- Dasar perlindungan China terdapat negeri-negeri di Alam Melayu bertujuan politik dan menyebarkan Islam. Hal ini secara tidak langsung mengembangkan dakwah Islam. Perlindungan terhadap Melaka memberikan impak yang ama

terhadap negeri-negeri di Kepulauan Melayu yang lain seperti Kedah, Johor dan Kampar.

5. Politik dan Penaklukan

- Peperangan bukanlah satu cara untuk menyebarkan Islam sebagaimana pendapat para orientalis walaupun secara kasar ia kelihatan begitu.
- Contohnya penaklukan Melaka ke atas Pahang bukanlah bertujuan untuk mengislamkan Pahang tetapi lebih kepada matlamat politik kerana Pahang dikatakan kaya dengan emas. Pengislaman yang berlaku ke atas negeri yang ditakluk berlaku kerana usaha dakwah dan perdagangan antara kedua negeri tersebut lebih mudah di bawah pemerintahan yang sama. Selain itu konsep taatkan pemerintah raja menyebabkan mereka mudah memeluk Islam. Hal ini dicatatkan dalam buku Sejarah Melayu.
- Begitu juga contohnya Demak menawan Majapahit dan mengambil alih pemerintah kerajaan Jawa, hampir seluruh rakyatnya memeluk Islam. Ini bukan berlaku kerana paksaan tetapi faktor kesetiaan terhadap pemerintah – mengikut agama raja mereka.

6. Perdagangan

- Hadis Rasulullah s.a.w yang bermaksud: *Sampaikan dariku walaupun satu ayat.* Pedagang selain berdagang mereka berdakwah mengembangkan Islam.
- walaupun peringkat awal pedagang Arab berdagang ke China, mereka terpaksa singgah ke Alam Melayu untuk menunggu angin yang sesuai sebelum ke China atau pulang ke Arab – peluang bergaul dan berdakwah
- walaubagaimanapun cara ini tidak meluas – terhad di kalangan pedagang dan kota pelabuhan sahaja
- cara ini dijelaskan oleh Marco Polo tentang pengislaman Perlak 1292 Masehi – pedagang berjaya memujuk penduduk Perlak masuk Islam
- selain itu peranan pegawai perdagangan dalam negeri Islam di Alam Melayu seperti peranan Syahbandar Melaka menyebarkan ramai pedagang masuk Islam. Pedagang Islam yang berdagang di Melaka biasanya dapat layanan istimewa dari syahbandar ini. Justeru itu perlu untuk dapat layanan istimewa ini

ramai pedagang dari Kepulauan Melayu seperti Brunei, Ternate, Jawa, Sumatera dan Sulawesi masuk Islam.

7. Keunggulan dan Kebijakan Pendakwah

- pendakwaan para ulama dan ahli sufi cara penyebaran yang lebih meluas dan berkesan serta menggunakan dakwah secara berkhikmah, sesuai dengan firman Allah s.w.t dalam surah an-Nahl: 125.

أَدْعُ إِلَى سَبِيلِ رَبِّكَ بِالْحُكْمَةِ وَالْمَوْعِظَةِ الْحَسَنَةِ وَجَدِلْهُمْ بِالَّتِي هِيَ
أَحْسَنُ إِنَّ رَبَّكَ هُوَ أَعْلَمُ بِمَنْ ضَلَّ عَنْ سَبِيلِهِ وَهُوَ أَعْلَمُ بِالْمُهْتَدِينَ



Maksudnya: Serulah ke jalan Tuhanmu (wahai Muhammad) dengan hikmat kebijaksanaan dan nasihat pengajaran yang baik, dan berbahaslah dengan mereka (yang engkau serukan itu) dengan cara yang lebih baik; sesungguhnya Tuhanmu Dia lah jua yang lebih mengetahui akan orang yang sesat dari jalanNya, dan Dia lah jua yang lebih mengetahui akan orang-orang yang mendapat hidayah petunjuk.¹³

- Bermula sejak pemerintahan Khalifah Umar b. Abdul Aziz lagi – hantar pendakwah ke seluruh pelusuk termasuk Alam Melayu. Pada tahun 720 Masehi berjaya islamkan kerajaan *Suwarnabhumi* atau Melayu Jambi (*San-fo-tsi*).
- Abad 10 Masehi – dunia Islam kucar kacir - kerajaan Bani Abasiyyah lemah – wujud masyarakat asingkan diri Kerana kecewa dengan situasi ini menjadi ahli sufi dan kemudian berdakwah keluar dari Tanah Arab. Merekalah memainkan peranan penting dalam penyebaran dakwah di Alam Melayu abad 13 Masehi dan selepasnya.
- Ahli Sufi ini telah menjalankan pendidikan formal yang dikenal sebagai *zawiyah*, *khawanik* dan *rabt* – bila sampai di Alam Melayu mengajar di masjid atau di

¹³ Semua terjemahan ayat al-Qur'an dalam tulisan ini berdasarkan *Tafsir Pimpinan al-Rahman kepada Pengertian al-Qur'an*, edisi kelapan, (Kuala Lumpur: Bahagian Hal Ehwal Islam, Jabatan Perdana Menteri, 1987).

rumah mereka – berkembang menjadi sekolah tersendiri dikenali pondok atau *pesantren* dan di Aceh dipanggil *dayah*.

- Lahir ulama di Alam Melayu seperti Hamzah Fansuri, Abdul Rauf al-Singkeli dan Wali Songo di Jawa.

6. Aktiviti Para Ulama Sufi di Kerajaan Johor Riau

Aktiviti para ulama sufi di Kerajaan Johor Riau ialah munculnya salah satu ulama Banten Syeikh Fadhil Al-Banteni. Syeikh Fadhil Al-Banteni telah mengenal beberapa tarekat yang berada di Banten, antaranya ialah Tarekat Qadiriyyah yang tersebar di seluruh Jawa yang dibawa oleh murid-murid Syeikh Ahmad Khathib bin Abdul Ghaffar Sambas (lahir 1217 Hijrah/ 1802 Masihi, wafat 1289 Hijrah/1872 Masihi). Salah seorang khalifahnyanya yang paling terkenal, yang berasal dari Banten ialah Syeikh Abdul Karim al-Bantani (wafat 18 Safar 1315 Hijrah/19 Julai 1897 Masehi).

Syeikh Fadhil al-Banteni berkeketurunan Sultan Syafiddin Hidayatullah (pengasas kesultanan Banten) yang dikenali dengan Sunan Gunung Jati iaitu Wali-Songo terkenal di Indonesia. Moyangnya adalah antara lima (5) anak kepada Sultan Maulana Mufakir, pemerintah Kesultanan di Tanah Melayu dan Indonesia ketika berada di Makkah.¹⁴

Tarekat Naqsyabandiyah yang tersebar di Banten juga berasal daripada ulama Sambas tersebut melalui Syeikh Abdul Karim al-Banteni. Oleh itu dipercayai bahawa syeikh Fadhil telah *ditawajjuh* (dijazahkan) dengan kedua-dua tarekat tersebut oleh Syeikh Abdul Karim al-Bantani, ulama Banten yang sangat terkenal itu. Beliau datang ke Johor hasil pujukan Penghulu Mukim Langa Muar bernama Haji Daud. Pada tahun 1915 Masehi, Syeikh Fadhil al-Banteni sampai di Johor. Beliau mengajar di Kampung Langa, Muar.¹⁵ Selain pelbagai ilmu Islam yang asas seperti fardu ain, Syeikh Fadhil lebih menekankan *Wirid Khaujakan* atau Khatam Khaujakan yang sangat terkenal dalam ajaran Tarekat Qadiriyyah dan Tarekat Naqsyabandiyah.

¹⁴Johor Mengenang Sumbangsihmu dalam kertas kerja Mohd. Akbal Abdullah dengan tajuk *Kiayai Fadhil al-Banteni*. 2006. Yayasan Warisan Johor. Muka surat 31-35.

¹⁵Johor Mengenang Sumbangsihmu dalam kertas kerja Mohd. Akbal Abdullah dengan tajuk *Kiayai Fadhil al-Banteni*. 2006. Yayasan Warisan Johor. Muka surat 31-35.

Syeikh Fadhil melebarkan sayap dakwahnya bukan hanya di Kampung Langa tetapi juga termasuk dalam Bandar Maharani (Muar), Bandar Bakri, Bandar Bukit Kepong dan tempat-tempat lainnya. Pendek kata banyak surau dan masjid yang menjadi tempat beliau mengajar. Ajaran beliau dapat diterima oleh semua pihak termasuk Sultan Johor. SULTAN JOHOR PERLU PERTOLONGAN Perang dunia kedua meletus antara tahun 1939 hingga tahun 1945. Dalam masa darurat itulah Sultan Ibrahim, Sultan Johor merasa perlu menyelamatkan Kerajaan Johor, termasuk diri peribadi dan keluarganya dengan apa cara sekali pun. Atas nasihat beberapa insan yang arif, baginda mendekati seorang ulama sufi yang sangat mustajab doanya. Ulama yang dimaksudkan ialah Syeikh Fadhil al-Banteni Beliau tidak perlu didatangkan dari luar kerana beliau memang telah bermustautin di Johor. Baginda menitahkan Datuk Othman Buang, Pegawai Daerah Muar ketika itu untuk mencari dan menjemput ulama sufi itu datang ke istana baginda. Hajat Sultan Ibrahim itu dipersetujui oleh Syeikh Fadhil al-Banteni, namun walaupun sultan telah menyediakan sebuah rumah dekat dengan istana di Pasir Pelangi tetapi beliau lebih suka tinggal di Masjid Pasir Pelangi. Pada waktu malam beliau hadir di sebelah bilik peraduan Sultan Ibrahim membaca wirid untuk menjaga keselamatan sultan. Walau bagaimana pun untuk lebih mudah melakukan pelbagai amalan wirid dan munajat kepada Allah, beliau memilih masjid yang lebih banyak berkatnya dari rumah. Oleh itu Syeikh Fadhil al-Banteni lebih banyak melakukannya di dalam masjid. Akhirnya Sultan Ibrahim memperoleh ketenangan jiwa kerana keberkesanan dan keberkatan doa Syeikh Fadhil al-Banteni. Sultan Ibrahim telah menganugerahkan pangkat kepada Syeikh Fadhil al-Banteni, iaitu beliau dilantik sebagai Mufti Peribadi Sultan. Jawatan ini berbeza dengan Mufti Kerajaan. Mufti Peribadi adalah bertanggungjawab kepada sultan. Ia memberi nasihat dan fatwa jika dikehendaki oleh sultan." Selain anugerah yang berupa kedudukan itu, Sultan Ibrahim juga membiayai Syeikh Fadhil al-Banteni dan isterinya menunaikan ibadah haji, dan memberikan hadiah-hadiah yang tidak terkira besar dan banyaknya.¹⁶

Sumbangan yang tiada terhingga besarnya kepada Sultan Ibrahim ialah beliau telah membuka pintu kebebasan seluas-luasnya kepada ulama Syeikh Fadhil al-Banteni untuk menubuhkan kumpulan-kumpulan *Wirid Khaujakan* di seluruh

¹⁶ Johor Mengenang Sumbangsihmu dalam kertas kerja Mohd. Akbal Abdullah dengan tajuk *Kiayai Fadhil al-Banteni*. 2006. Yayasan Warisan Johor. Muka surat 31-35.

Kerajaan Johor tanpa sebarang halangan. Amalan Wirid Khaujakan masih subur dan berkesinambungan di Johor hingga ke hari ini seperti juga di beberapa tempat lain di seluruh dunia Islam. Pada pandangan penulis, walaupun ada golongan anti amalan sufi yang menuduh bahawa orang-orang sufi mengamalkan perkara-perkara bidaah dan khurafat, tuduhan melulu seperti itu tidak berasas sama sekali kerana Wirid Khaujakan dan beberapa amalan golongan sufi selainnya juga bersumberkan al-Quran dan as-sunah. Mereka yang beramal dengannya bukan terdiri daripada golongan awam saja tetapi juga termasuk ulama-ulama besar terkenal yang mampu membahas al-Quran dan hadis. Ia bukan diamalkan oleh orang-orang di dunia Melayu sahaja tetapi juga di tempat-tempat dalam belahan dunia. Kebijakan Sultan Ibrahim yang memahami keadaan zaman darurat menghadapi huru-hara perang dunia kedua yang sukar diatasi dalam bentuk zahiri semata-mata, sehingga baginda memerlukan insan takwa seperti Syekh Fadhil al-Banteni, patut dicontohi oleh pemimpin-pemimpin kita masa kini dan zaman-zaman yang akan datang. Setelah kita mengetahui dalam dunia sekarang bahawa nyawa seolah-olah tiada harganya, situasi dunia yang tiada ketentuannya, termasuk dunia Melayu juga, maka patutlah umat Islam Melayu memperbanyak zikir, wirid, selawat dan lain-lain sejenisnya demi kebaikan dan ketahanan diri Muslimin dan dunia Melayu sejagat.

Begitu pula halnya aktiviti tarekat yang lebih awal muncul di Kerajaan Riau Lingga seumpamanya tarekat Naqsyabandiyah yang diasaskan oleh Syekh Bahauddin al-Naqsyabandi¹⁷ yang dikembangkan oleh syekh Ismail, seorang ulama Jawa yang bermustautin di Mekkah yang dikembangkan pada zaman pemerintahan Raja Ali bin raja Jaafar¹⁸ (1845-1857) Yang Dipertuan Muda Riau ke-8 yang juga sepupu Raja Ali Haji. Kebanyakan keluarga Diraja Bugis di Riau menganut tarekat ini.¹⁹ Raja Abdullah bin Raja Jaafar Yang Dipertuan Muda ke-9, menjadi Mursyid bagi tarekat ini dan apabila meninggal dipanggil *Marhum Mursyid*.²⁰

¹⁷ Namaa penuhnya ialah Muhammad bin Muhammad Bahauddin al-Bukhari (1317M-1389 M).

¹⁸ Raja Ali Haji. *Tuhfat al-Nafis*, Kuala Lumpur: Yayasan Karyawan dan Dewan Bahasa dan Pustaka: 1998. Muka Surat 28-29.

¹⁹ Professor Dato' Dr. Abu Hassan Sham dalam persidangan Antarbangsa Manuskrip Melayu dengan tajuk "*Unsur-unsur Tasawwuf Dalam Syair-syair Melayu pada 23-25 November 2009*". Jabatan Sejarah Fakulti Sastera dan Sains Sosial, dan Jabatan Kesusteraan Akademi Pengajian Melayu, Universiti Melayu.

²⁰ *Maqam* (tingkatan) pemimpin tarekat yang paling tinggi.

Raja Haji Abdullah dapat dianggap *syekh* atau *mursyid*²¹ tarekat itu di Penyangat Sebelum seseorang itu mencapai peringkat *syekh* ia mesti melalui peringkat khalifah. Jika sudah mencapai peringkat ini ia dibolehkan mewakili syekh untuk mengembangkan sesuatu tarekat itu di sesuatu daerah. Ia dibolehkan mengetahui majlis zikir dan memimpin suluk.

7. NILAI-NILAI SUFISTIK PADA SYAIR-SYAIR MELAYU

Nilai-nilai sufistik pada syair-syair Melayu adalah luas bidangnya:

1. Syair yang berhubungkait dan mengandungi nilai-nilai ketauhidan sebagaimana dalam ungkapan yang diuntai dalam bentuk syair di bawah ini:

Bismillahir rahmanir rahim

*Bismillahi permulaan kalam
Alhamdulillah Tuhan seru alam
Selawatkan nabi sayidil anam
Serta keluarganya sahabat yang ikram*

Bait selanjutnya.....

*Nabi Muhammad rasul yang mulia
lalah penghulu segala dunia
Barangsiapa beriman dia
Dunia akhirat mendapat bahagia*

Bait seterusnya.....

*Masa dia mengandungkan nabi-Allah
Tiadalah berat tiadalah lelah
di dalam Mekkah syarafatullah
beberapa tanda kemuliaan terjumlah*

²¹ Mursyid adalah *ism al-fail* bagi kata kerja *arsyada*, *yursyidu* yang bermakna menunjuk, memimpin, mengasuh, mendidik dan sebagainya.

- Ungkapan Syair di atas amat digalakkan untuk memperbanyakkan berselawat keatas junjungan Nabi Besar Muhammad s.a.w. Hal ini amat bersesuaian dengan firman Allah s.w.t. :

إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلُّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا صَلُّوا عَلَيْهِ
 وَسَلِّمُوا تَسْلِيمًا ﴿٥٦﴾

Maksudnya: *Sesungguhnya Allah dan malaikatNya berselawat (memberi segala penghormatan dan kebaikan) kepada Nabi (Muhammad s.a.w); wahai orang-orang yang beriman berselawatlah kamu kepadanya serta ucapkanlah salam sejahtera dengan penghormatan yang sepenuhnya. (al-Ahzab: 56)*²²

- Di Riau terdapat *Syair Sifat Dua Puluh*. Karya seperti ini dalam bentuk prosa (kitab Jawi) terdapat beberapa buah, seumpunya terjemahan dari *Umm al-Barahin* oleh al-Sanusi dengan judul *Bidayah al-Hidaya* (Muhammad Zain Jalaluddin), *Siraj al-Huda* (Muhammad Zainuddin al-Sambawi) dan *Aqidat al-Najin* (Zainal Abidin al-Fatani).
- 2. Syair yang berhubungkait dan mengandungi nilai-nilai kerohanian dan ketasuwufan.

Penulis mengutip dari hasil pembentangan kertas kerja yang disampaikan YBhg. Profesor Dato' Dr. Abu Hassan Sham dalam persidangan Antarbangsa Man²³uskrip Melayu 2009 dalam tajuk "Unsur-unsur Tasawwuf dalam syair-syair Melayu Riau" menjelaskan bahawa tasawwuf sunni biasanya membincaangkan unsur etika dan 'ubudiyah. Dalam hal ini yang sangat diberi perhatian ialah bagaimana manusia dapat menjaga anggota tubuh badannya dan membersihkan hatinya dari unsur-unsur maksiat dan dosa. Dengan itu ibadah mereka akan dimakbulkan oleh Allah s.w.t. Hujjatul Islam Imam al-Ghazali menghuraikan secara terperinci nilai-nilai dan unsur-unsur

²² Semua terjemahan ayat al-Qur'an dalam tulisan ini berdasarkan *Tafsir Pimpinan al-Rahman kepada Pengertian al-Qur'an*, edisi kelapan, (Kuala Lumpur: Bahagian Hal Ehwal Islam, Jabatan Perdana Menteri, 1987).

²³

tasawwuf dalam kitabnya *Ihya' Ulumuddin* dan kitab-kitab beliau yang lain seperti *Bidayah al-Hidayah*, *Minhaj al-Abidin*, dan *Arbain fi Usuluddin*. Hal ini boleh dilihat jelas pada Abdul Samad al-Palembani melalui karyanya *Hidayat al-Salikin* dan *Sairus Salikin* jelas menganut fahaman tasawwuf yang dikarang Imam Al-Ghazali.

- Begitu pula halnya dengan Raja Ali Haji terpengaruh dengan karya Imam Al-Ghazali. Dalam kitab *Thamarat al-Muhimmah* beliau juga memasukkan tasawwuf sunni dalam karya Imam Al-Ghazali.
- Syair-syair yang mengandungi nilai-nilai tasawwuf dan kerohanian ini terdiri daripada memelihara anggota tujuh, memelihara kalbu dan adab sesama manusia.
- Syair memelihara anggota tujuh seperti yang berikut:

*Penyakitnya itu anggota yang tujuh,
Wajib diubatkan bersunggu-sungguh,
Jika dibiarkan ia ceroboh,
Rosakkan badan agama pun roboh.*

*Mata, telinga, lidah dan perut,
Faraj dan tangan, kaki, menurut,
Hati nan seperti juragan di laut,
Memerintahkan kapal ketika ribut.*

Bait syair Raja Ali Haji seterusnya berkaitan dengan menjaga Anggota sulit:

*Kejahatan faraj bukannya mudah,
Memelihara dia sangatlah gundah,
Beberapa orang terkana sudah,
Pangkat yang tinggi jadi rendah,*

*Terkadang malu besar membawa,
Terkadang bilang dengannya nyawa,
Sebab mengikutkan nafsu dan hawa,
Dunia akhirat dapat kecewa.*

Bait syair di atas amat bersesuaian dengan firman Allah s.w.t dalam surah al-Ahzab: 35

إِنَّ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ وَالْقَانِتِينَ وَالْقَانِتَاتِ
وَالصَّادِقِينَ وَالصَّادِقَاتِ وَالصَّابِرِينَ وَالصَّابِرَاتِ وَالْخَاشِعِينَ
وَالْخَاشِعَاتِ وَالْمُتَصَدِّقِينَ وَالْمُتَصَدِّقَاتِ وَالصَّابِتِينَ وَالصَّابِتَاتِ
وَالْحَافِظِينَ فُرُوجَهُمْ وَالْحَافِظَاتِ وَالذَّاكِرِينَ اللَّهَ كَثِيرًا وَالذَّاكِرَاتِ
أَعَدَّ اللَّهُ لَهُمْ مَغْفِرَةً وَأَجْرًا عَظِيمًا ﴿٣٥﴾

Maksudnya: Sesungguhnya orang-orang lelaki yang Islam serta orang-orang perempuan yang Islam, dan orang-orang lelaki yang beriman serta orang-orang perempuan yang beriman, dan orang-orang lelaki yang taat serta orang-orang perempuan yang taat, dan orang-orang lelaki yang benar serta orang-orang perempuan yang benar, dan orang-orang lelaki yang sabar serta orang-orang perempuan yang sabar, dan orang-orang lelaki yang merendah diri (kepada Allah) serta orang-orang perempuan yang merendah diri (kepada Allah), dan orang-orang lelaki yang bersedekah serta orang-orang perempuan yang bersedekah, dan orang-orang lelaki yang berpuasa serta orang-orang perempuan yang berpuasa, dan orang-orang lelaki yang memelihara kehormatannya serta orang-orang perempuan yang memelihara kehormatannya, dan orang-orang lelaki yang menyebut nama Allah banyak-banyak serta orang-orang perempuan yang menyebut nama Allah banyak-banyak, Allah telah menyediakan bagi mereka semuanya keampunan dan pahala yang besar. (al-Ahzab: 35)²⁴

- Raja Ali Haji juga menulis dalam bait syairnya mengenai *riak* (menunjukkan perbuatannya kepada manusia dan bukan kerana Allah. Bait syairnya sebagai berikut:

*Kemudian dinyatakan maknanya riak,
Amal ibadat kerana manusia,
Inilah kebencian Tuhan yang sedia,*

²⁴ Semua terjemahan ayat al-Qur'an dalam tulisan ini berdasarkan *Tafsir Pimpinan al-Rahman kepada Pengertian al-Qur'an*, edisi kelapan, (Kuala Lumpur: Bahagian Hal Ehwal Islam, Jabatan Perdana Menteri, 1987).

Sebab kerana syirikkan Dia.

Terkadang riak pula dilakukan,
Mengiringkan beberapa puasa tak makan,
Bertutut itu suara itu diperlahankan,
Tubuh dan badan tidak dihiraukan.

Supaya disangka ia wali,
Akan dunia tidak peduli,
Hemahnya itu sangatlah 'ali
Tetapi hatinya ke dunia bertali.

Bait syair di atas amat bersesuaian dengan firman Allah s.w.t dalam surah al-Nisa: 142-143

الْمُنَافِقِينَ يُخَدِّعُونَ اللَّهَ وَهُوَ خَدِيعُهُمْ وَإِذَا قَامُوا إِلَى الصَّلَاةِ قَامُوا
كُسَالَى يُرَاءُونَ النَّاسَ وَلَا يَذْكُرُونَ اللَّهَ إِلَّا قَلِيلًا ﴿١٤٢﴾ مُذَبْذَبِينَ بَيْنَ
ذَلِكَ لَا إِلَى هَتُّؤَلَاءِ وَلَا إِلَى هَتُّؤَلَاءِ وَمَنْ يَضِلَّ اللَّهُ فَلَنْ تَجِدَ لَهُ سَبِيلًا
﴿١٤٣﴾

Maksudnya: Sesungguhnya orang-orang munafik itu melakukan tipu daya (terhadap ugama) Allah (dengan perbuatan pura-pura beriman sedang mereka kafir pada batinnya), dan Allah pula tetap membalas tipu daya mereka (dengan membiarkan mereka dalam keadaan munafik). Mereka pula apabila berdiri hendak sembahyang, mereka berdiri dengan malas. Mereka (hanya bertujuan) riak (memperlihatkan sembahyangnya) kepada manusia (supaya disangka bahawa mereka orang yang beriman), dan mereka pula tidak mengingati Allah (dengan mengerjakan sembahyang) melainkan sedikit sekali (jarang-jarang) (142). Mereka berkeadaan "muzabzab" (tidak mempunyai pendirian yang tetap) antara (iman dan kufur) itu; mereka tidak berpihak terus kepada golongan (kafir) dan tidak pula berpihak kepada golongan (yang beriman). Dan sesiapa yang disesatkan oleh Allah, maka engkau (wahai Muhammad) tidak sekali-kali akan mendapat jalan untuk menyelamatkannya. (143). An-Nisa: 142-143)²⁵

²⁵ Semua terjemahan ayat al-Qur'an dalam tulisan ini berdasarkan *Tafsir Pimpinan al-Rahman kepada Pengertian al-Qur'an*, edisi kelapan, (Kuala Lumpur: Bahagian Hal Ehwal Islam, Jabatan Perdana Menteri, 1987).

3. Puisi dan syair yang berhubungan dengan tasawwuf bermula di empayar Johor Riau pada abad ke-19 yang bermula di Palembang (Sumatera Selatan) kemudian di Riau kecenderungan aliran tasawwuf ke arah akhlak (etika) yang dipelopori oleh Imam al-Ghazali. Salah satu aliran tasawwuf sunni yang mengandungi tasawwuf syair ialah memelihara dan menjaga anggota yang lima (mata, telinga, lidah, tangan, dan kaki) serta menghindari sifat keji yang harus dihindari seperti 'ujub, hasad, buruk sangka, tamak dan bakhil.

- Contoh Syair yang dikarang oleh Raja Ali Haji untuk memelihara Lidah:

*Anggota lidah sangatlah masyhur,
lalah mengotorkan dalam dan tohor,
lalah menzahirkan Islam dan kufur,
Dengan sebabnya manusia tercebur.*

*Peiharalah lidah daripada dusta,
Memungkiri janji sudah dikata,
Mengumpat mengadu maki dan dusta,
Bertengkar berbantah mendatangkan meta.*

Bait syair di atas amat bersesuaian dengan firman Allah s.w.t dalam surah an-Nahl: 116.

وَلَا تَقُولُوا لِمَا تَصِفُ أَلْسِنَتُكُمُ الْكَذِبَ هَذَا حَالٌ وَهَذَا
حَرَامٌ لِّتَفْتَرُوا عَلَى اللَّهِ الْكَذِبَ إِنَّ الَّذِينَ يَفْتَرُونَ عَلَى اللَّهِ الْكَذِبَ لَا
يُفْلِحُونَ ﴿١١٦﴾

Maksudnya: Dan janganlah kamu berdusta dengan sebab apa yang disifatkan oleh lidah kamu: "Ini halal dan ini haram", untuk mengada-adakan sesuatu yang dusta terhadap Allah; sesungguhnya orang-orang yang berdusta terhadap Allah tidak akan berjaya. (an-Nahl:116)²⁶

²⁶ Semua terjemahan ayat al-Qur'an dalam tulisan ini berdasarkan *Tafsir Pimpinan al-Rahman kepada Pengertian al-Qur'an*, edisi kelapan, (Kuala Lumpur: Bahagian Hal Ehwal Islam, Jabatan Perdana Menteri, 1987).

- Adapun contoh Syair yang dikarang oleh Raja Ali Haji yang berkaitan dengan sifat keji seperti dengki ialah:

*Kebiasaan dengki lapan perkara,
Ingatkan olehmu ayuhai saudara,
Pertama ibadahmu menjadi cedera,
Pahala hilang dengan segera.*

Bait syair di atas amat bersesuaian dengan firman Allah s.w.t dalam surah **asy-Syuura: 14**

وَمَا تَفَرَّقُوا إِلَّا مِنْ بَعْدِ مَا جَاءَهُمُ الْعِلْمُ بَعِيًا بَيْنَهُمْ وَلَوْلَا كَلِمَةٌ سَبَقَتْ
مِنْ رَبِّكَ إِلَىٰ آجَلٍ مُّسَمًّى لَّفُضِيَ بَيْنَهُمْ وَإِنَّ الَّذِينَ أُورِثُوا الْكِتَابَ
مِنْ بَعْدِهِمْ لَفِي شَكٍّ مِّنْهُ مُرِيبٍ ﴿١٤﴾

Maksudnya: Dan umat tiap-tiap Rasul tidak berpecah belah dan berselisihan (dalam menjalankan agama Allah) melainkan setelah sampai kepada mereka ajaran-ajaran yang memberi mereka mengetahui (apa yang disuruh dan apa yang dilarang); berlakunya (perselisihan yang demikian) semata-mata kerana hasad dengki sesama sendiri. Dan kalaulah tidak kerana telah terdahulu kalimah ketetapan dari Tuhanmu (untuk menangguhkan hukuman) hingga ke suatu masa yang tertentu, tentulah dijatuhkan hukuman azab dengan serta-merta kepada mereka. Dan sesungguhnya orang-orang yang diberikan Allah mewarisi Kitab agama kemudian daripada mereka, berada dalam keadaan syak yang menggelisahkan terhadap Kitab itu. (**asy-Syuura: 14**)

- Seterusnya contoh Syair yang dikarang oleh Raja Ali Haji yang berkaitan dengan sifat keji seperti bakhil kedekut ialah:

*Adapun erti bakhil kehinaan,
Menahan daripada yang difardukan,
Hak mustahak pula ditahan,
Inilah perangai dibencikan Tuhan.*

Sangatlah sayang mengeluarkan harta,

*Kikir dan lokek semata-mata,
Terkadang sampai berbuat dusta,
Jika kerugian berdukacita.*

Bait syair di atas amat bersesuaian dengan firman Allah s.w.t dalam surah
al-Ahzaab: 19

أَشْحَةً عَلَيْكُمْ ۖ فَإِذَا جَاءَ الْخَوْفُ رَأَيْتَهُمْ يَنْظُرُونَ إِلَيْكَ تَدُورُ
أَعْيُنُهُمْ كَالَّذِي يُغْشَىٰ عَلَيْهِ مِنَ الْمَوْتِ ۖ فَإِذَا ذَهَبَ الْخَوْفُ سَلَقُوكُمْ
بِالسِّنَةِ جِدَادٍ أَشْحَةً عَلَى الْخَيْرِ ۗ أُولَٰئِكَ لَمْ يُؤْمِنُوا فَأَحْبَطَ اللَّهُ
أَعْمَالَهُمْ ۗ وَكَانَ ذَٰلِكَ عَلَى اللَّهِ يَسِيرًا ﴿١٩﴾

Maksudnya: Mereka bersikap *bakhil kedekut* terhadap kamu (wahai orang-orang mukmin untuk memberikan sebarang pertolongan); dalam pada itu apabila datang (ancaman musuh yang menimbulkan) ketakutan, engkau melihat mereka memandang kepadamu (wahai Muhammad, meminta pertolonganmu) dengan keadaan mata mereka berputar seperti orang yang pengsan semasa hampir mati. Kemudian apabila hilang perasaan takut itu, mereka mencela kamu dengan lidah yang tajam, sambil mereka tamakan kebaikan (yang diberikan Allah kepada kamu). Mereka itu tidak beriman, lalu Allah gugurkan amal-amal mereka. Dan yang demikian itu adalah mudah bagi Allah melaksanakannya. **al-Ahzaab: 19.**²⁷

- Membincangkan mengenai hati (*qalbu*) terdapat juga karya Raja Ali Haji dalam kitabnya *Thamratal al-Muhimmah*; begitu juga dalam karya Abdul Samad al-Palembani dalam kitabnya *Hidayat al-Salikin*. Kesemua sumber rujukan di atas berasal daripada karya Imam al-Ghazali yang termaktub dalam bukunya *Bidayah al-Hidayah*.

²⁷ Semua terjemahan ayat al-Qur'an dalam tulisan ini berdasarkan *Tafsir Pimpinan al-Rahman kepada Pengertian al-Qur'an*, edisi kelapan, (Kuala Lumpur: Bahagian Hal Ehwal Islam, Jabatan Perdana Menteri, 1987).

- Huraian sifat-sifat *mazmumah* yang termaktub dalam goresan tangan Raja Ali Haji juga menawarkan ubat dan penawar bagi menyembuhkan sifat-sifat tersebut sebagaimana lantunan syair-syair di bawah ini:

*Bermula takbur tawadu' ubatnya,
Merendahkan diri dengan patutnya,
Orang yang tua dihormatkannya,
Besar dan kecil dikasihannya.*

*Riak ikhlas ubatnya pula,
Amal ibadat tidak gendala,
Hendak suka berbuat pahala
Sucikan diri daripada cela.*

*Dengki ubatnya dengan nasihah,
Kepada saudara Islam Sahihah,
Tahan dirimu membuka fadiah,
Tukarkan keji dengan malihah.*

Bait syair di atas amat bersesuaian dengan firman Allah s.w.t dalam surah **an-Nisa: 146**

الَّذِينَ تَابُوا وَأَصْلَحُوا وَاعْتَصَمُوا بِاللَّهِ وَأَخْلَصُوا دِينَهُمْ
لِلَّهِ فَأُولَٰئِكَ مَعَ الْمُؤْمِنِينَ وَسَوْفَ يُؤْتِي اللَّهُ
الْمُؤْمِنِينَ أَجْرًا عَظِيمًا ﴿١٤٦﴾

Maksudnya: Kecuali orang-orang yang bertaubat (dari perbuatan munafik itu) dan memperbaiki amalan mereka (yang salah), dan mereka pula berpegang teguh kepada (agama) Allah, serta mengerjakan agama mereka dengan ikhlas kerana Allah, maka mereka yang demikian itu ditempatkan bersama-sama orang-orang yang beriman (di dalam Syurga); dan Allah akan memberikan orang-orang yang beriman itu pahala yang amat besar. **an-Nisa: 146**²⁸

²⁸ Semua terjemahan ayat al-Qur'an dalam tulisan ini berdasarkan *Tafsir Pimpinan al-Rahman kepada Pengertian al-Qur'an*, edisi kelapan, (Kuala Lumpur: Bahagian Hal Ehwal Islam, Jabatan Perdana Menteri, 1987).

BIBLIOGRAFI

- Abdul Kadir Muhammad, (1996). *Sejarah penulisan hukum Islam di Malaysia*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka
- Abdul Rahman Abdullah, (1985). *Asia Tenggara Tradisional*. Kuala Lumpur: Teks Publishing Sdn. Bhd.
- Abdul Rahman Abdullah, (2000) *Sejarah dan Tamadun Asia Tenggara Sebelum dan Sesudah Pengaruh Islam*, Kuala Lumpur: Utusan Publication & Distributors Sdn. Bhd.
- Abu Hasan Sham, 1993. *Puisi-puisi Raja Ali Haji*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- _____, 1995. *Syair-syair Melayu Riau*, Kuala Lumpur: Perustakaan Negara Malaysia.
- _____, "Pemikiran Sufisme dalam Membentuk Akhlak dan Keperibadian Ummah berdasarkan karya Raja Ali Haji," 1996, dalam *Simposium Serantau Sastera Islam*, Brunei: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- _____, "Sebuah Syair Berunsur Agama: Syair Siti Sianah" dalam Rogayah A.Hamid dan Wahyunah Abd Gani (Peny.) 2005, *Pandangan Semesta Melayu: Syair*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Al-Habib Alwi Thahir Al-Haddad, (2001). "Sejarah masuknya Islam di Timur Jauh". Jakarta: Penerbit Lentera.
- Buyong Adil, (1973) *Sejarah Melaka*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Chatib Quzwain, (1985) *Mengenal Allah, Suatu Studi Mengenai Ajaran Tasawuf Syeikh Abdus-Samad al-Palimbani*, Indonesia: Bulan Bintang.
- De Graaf H.J& Th.G.th. Pigeaud, (1989), *Kerajaan-Kerajaan Islam Pertama di Jawa. Kajian Sejarah Politik Abad ke-15 dan ke-16*, Jakarta:Grafitipers.
- Hamka, (1976), *Sejarah Umat Islam*, Jakarta: Bulan Bintang..
- Hasjmy, A., (1981), "Adakah Kerajaan Islam Perlak Negara Islam Pertama di Asia Tenggara", dlm *Sejarah Masuk dan Berkembangnya Islam di Indonesia*, A.Hasjmy (ed), Ptalmaarif,Acheh.
- Hawash Abdullah, (1980) *Perkembangan Ilmu Tasawuf dan Tokoh-Tokohnya di Nusantara*, Surabaya: al-Ikhlâs.

Ismail Hamid, (1985). *Peradapan Melayu dan Islam*. Petaling Jaya: Penerbit Fajar Bakti.

Mahayudin Hj Yahaya, (2000), *Karya Klasik Melayu dan Islam*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2000

Mohd Jamil Muhsin, (1994). *Melaka: pusat penyebaran Islam di Nusantara*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Muhammad Yusoff Hashim, (1990). *Kesultanan Melayu Melaka: kajian beberapa aspek tentang Melaka pada abad ke-15 dan abad ke-16 dalam sejarah Malaysia*. Kuala Lumpur: Dewan bahasa dan Pustaka.

Muhammad Zaki Badawi, (1979). *Latar belakang kebudayaan di Malaysia*. Kuala Lumpur: Dewan bahasa dan Pustaka.

Persatuan Sejarah Malaysia, (1986). *Islam di Malaysia*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Samri Sainuddin, (2003). *Titas: Tamadun Melayu*. Kuala Lumpur: Quantum Books.

Shellabear, W.G., (1989). *Sejarah Melayu*. Petaling Jaya: Penerbit Fajar Bakti.

